

Trump hadir Sidang Kemuncak ASEAN

Kuala Lumpur: Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump, mengesahkan akan menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 yang berlangsung Oktober ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata perkara itu dimaklumkan Trump kepada beliau dalam perbualan telefon di antara kedua-dua pemimpin itu pada jam 6.50 pagi semalam.

"Presiden Trump mengesahkan akan hadir pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-47 pada Oktober kelak. Saya maklumkan kepada beliau, saya akan umumkan di Parlimen pada ha-

rimi (semalam), katanya.

Sidang Kemuncak ASEAN ke-47 dijadual berlangsung di Kuala Lumpur dari 26 hingga 28 Oktober depan.

Perdana Menteri memaklumkan, dalam perbualan telefon itu, Trump turut menyatakan penghargaan setinggi-tingginya kepada Malaysia kerana memainkan peranan berkesan dan sebaiknya dalam menyelesaikan konflik Thailand dan Kemboja.

"Dalam respons, saya menyatakan ini kesepakatan ASEAN dan ini kerana sikap positif kedua-dua negara dan juga kerjasama ditunjukkan AS, khu-

susnya Trump dan Presiden China, Xi Jinping," katanya.

Isnin lalu, Thailand dan Kemboja mencapai kata sepakat melaksanakan gencatan senjata serta-merta tanpa syarat sebagai langkah penting ke arah meredakan ketegangan dan mengembalikan keamanan di kawasan sempadan.

Persetujuan itu dicapai dalam mesyuarat khas di antara Perdana Menteri Kemboja, Hun Manet dan Pemangku Perdana Menteri Thailand, Phumtham Wechayachai dengan Anwar selaku Pengerusi ASEAN bertindak sebagai hos dan saksi perbincangan bersejarah itu.